

Penelitian Awal Terhadap Penglibatan Orang Arab dalam Kerja Amal di Malaysia Sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua

A Preliminary Study on the Involvement of Arabs in Charity Work in Malaysia Before and After World War Two

Latifah Abdul Latiff¹

¹Pusat Pengajian Teras & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia;

Progres artikel

Diterima: 10 September 2021

Disemak: 11 Mei 2022

Diterbitkan: 31 Mei 2022

*Perhubungan pengarang:
Latifah Abdul Latiff, Pusat
Pengajian Teras & Fakulti
Kepimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam
Malaysia, Nilai, Malaysia;
Email: latifah@usim.edu.my

Abstrak: Dahulu, orang Arab pada umumnya lebih dikenali sebagai ulama atau golongan agamawan dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Orang Arab khasnya daripada keturunan Sayyid dari Hadhramaut, Yaman tidak hanya terlibat dalam aktiviti dakwah, tetapi mereka juga turut melibatkan diri dalam perniagaan dan keusahawanan. Oleh kerana kebanyakan daripada mereka lebih dikenali masyarakat sebagai pendakwah atau dai dan ulama, maka, makalah ini cuba mengetengahkan penglibatan orang tokoh Arab keturunan Sayyid dalam aspek kebajikan dan kerja amal mereka di Malaysia sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk kualitatif. Kajian perpustakaan dijalankan bagi mengkaji dan menganalisis penglibatan orang Arab dalam kerja amal dengan mengakses bahan daripada rekod arkib seperti surat dan dokumen serta penulisan ilmiah. Kajian mendapati keluarga Arab seperti al-Kaff, al-Sagoff, al-Junied dan al-Attas merupakan antara keluarga Arab yang berjaya di Malaysia dalam pelbagai bidang perniagaan. Walaupun mereka berjaya dalam bidang perniagaan, namun mereka turut menyumbang kepada masyarakat melalui aktiviti dan kerja amal seperti mewakafkan tanah perkuburan, membina masjid dan mendirikan madrasah yang dibiayai melalui dana wakaf.

Kata kunci: Malaysia, Islam, Arab, Kerja Amal, Sayyid

Abstract: The Arabs popularly known as orang Arab among Malays were once known as religious men in the society. The Arabs especially the Hadhrami Sayyids who originated from Hadhramaut, Yemen were not only involved in dakwah activities but also engaged in business and entrepreneurship. Since many of them were only known by the society as preachers (dai) and religious scholars (ulama), therefore, this paper attempts to highlight the humanitarian aspect of the Arabs in particular the prominent Arabs in fulfilling their social responsibilities in Malaya before the World War Two. This article employed a qualitative research method studying and analyzing the Arabs' engagement in charity works by accessing records from archives such as letters, records, and documents as well as literature from scholarly works. It is found that the Arab families such as al-Kaff, al-Sagoff, al-Junied and al-Attas were among those Arab families who succeeded in Malaya. They were not only concerned about their business ventures, but also involved in philanthropic works such as endowing funeral grounds, building mosques, and establishing madrasah that are mostly funded through endowment funds.

Keywords: Malaysia, Islam, Arab, philanthropy, Sayyid.

Pengenalan

Secara umumnya orang Arab lebih dikenali sebagai pendakwah atau dai dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Orang Arab berperanan penting dalam menyebarkan ajaran Islam di Malaysia pada suatu ketika dahulu. Sehingga abad ke-20 Masihi, kebanyakan orang Melayu beranggapan bahawa orang Arab secara umumnya adalah keturunan Nabi Muhammad SAW. Hubungan salasilah ini telah mengangkat kedudukan orang Arab dalam masyarakat Melayu khasnya dalam kalangan Arab keturunan Sayyid yang berasal dari Hadhramaut, Yaman. Dengan ilmu dan pengetahuan agama yang dimiliki mereka diamanahkan dengan kedudukan dan jawatan penting dalam urusan pentadbiran agama di negeri-negeri Melayu (Mahayudin, 1980; Latifah, 2016). Malah mereka turut dianggap sebagai pewaris Nabi dalam menyebarkan syiar Islam (Bujra, 1971). Orang Arab mempunyai hubungan baik dengan orang Melayu khasnya dalam kalangan pemerintah dan kerabat diraja. Orang Arab Hadhrami generasi awal daripada keturunan Sayyid merupakan golongan agamawan atau ulama yang dihormati oleh orang Melayu secara amnya. Terdapat dalam kalangan mereka yang berkahwin dengan kerabat diraja dan golongan bangsawan Melayu (Linehan, 1936).

Melalui ikatan perkahwinan, mereka menjadi sebahagian daripada keluarga pemerintah dan ada yang mewarisi tampuk pemerintahan seperti di Johor Lama, Perlis dan Terengganu sehingga ke hari ini. Di Johor selepas kemangkatan Sultan Mahmud II pada tahun 1699, tampuk pemerintahan Johor Lama dipegang oleh Bendahara Abdul Jalil, anak kepada bekas Bendahara Johor Lama iaitu Tun Habib Abdul Majid. Keluarga dan keturunan Tun Habib Abdul Majid merupakan keturunan Arab. Bendahara Abdul Jalil kemudiannya dilantik sebagai Sultan Johor dan memerintah selama lebih kurang dua dekad dengan gelaran Sultan Abdul Jalil IV. Manakala anak kelima Tun Habib Abdul Majid iaitu Tun Zainal Abidin dilantik sebagai Sultan Terengganu yg pertama. Sultan Terengganu hari ini iaitu Sultan Mizan merupakan keturunan Arab (sebelah ibu) (Tun Suzana 2009; Latifah 2018).

Penghijrahan orang Arab Hadhrami ke Nusantara khasnya ke Tanah Melayu mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Kedatangan mereka ke rantau ini bukan hanya atas faktor penyebaran dakwah Islam bahkan pada asalnya adalah atas faktor perdagangan. Hubungan perdagangan maritim jarak jauh antara negara Arab dan China telah terjalin sejak zaman sebelum kedatangan Islam dan ia turut memberi kesan

terhadap perkembangan perdagangan di Asia Tenggara khasnya Tanah Melayu. Orang Arab merupakan antara pelayar dan pedagang yang sering berulang alik dari Tanah Arab ke negara China merentasi Lautan India, melalui Asia Tenggara menyusuri Kepulauan Melayu dan merentasi Laut China Selatan. Pedagang Arab sudah biasa dengan selok-belok laluan perdagangan di kepulauan Melayu. Mereka turut menguasai pelabuhan perdagangan di Aden dan Sacutra dan berperanan sebagai orang tengah (middle men) menghantar dan membekal barang dagangan (komoditi) dari India, China serta Kepulauan Melayu (Affan, 1989; Abdul Ali, 1980; Latifah, 2016). Kawasan persisiran pantai di Hadhramaut seperti Aden dan Sacutra merupakan lokasi penting sebagai pelabuhan transit sebelum barang dagangan dibawa ke Mesir. Selepas kedatangan Islam di Tanah Arab pada tahun 610 Masihi, agama Islam kemudiannya disebarluaskan oleh para dai merentasi sempadan negara, wilayah dan lautan sehingga ke negara China di sebelah Timur. Kini para pedagang Arab tidak hanya menjalankan urusan perniagaan malah mereka juga turut bertanggungjawab menyebarkan ajaran Islam.

Tarikh penghijrahan orang Arab daripada kalangan keturunan Sayyid dari Hadhramaut, Yaman ke Tanah Melayu dan Asia Tenggara secara umumnya tidak dapat dipastikan secara tepat. Serjeant (1981) menganggarkan mereka telah tiba di Tanah Melayu sebelum kedatangan Belanda sekitar abad ke-17 Masihi. Pendapat lain mengatakan bahawa orang Arab keturunan Sayyid Alawi dari Hadhramaut, Yaman telah tiba di Kepulauan Melayu secara berperingkat iaitu bermula sekitar abad ke-16 Masihi diikuti fasa kedua pada abad ke-17 Masihi atau abad ke-18 Masihi dan fasa ketiga pada abad ke-19 dan 20 Masihi. Proses penghijrahan ini berlaku secara tidak langsung dari Hadhramaut, Yaman iaitu ada yang datang melalui India dan Indo China sebelum tiba di Kepulauan Melayu (Mahayuddin, 1984; Omar 1978).

Sebelum kemerdekaan tanah air pada tahun 1957, kebanyakan orang Arab di Tanah Melayu mendiami negeri-negeri selat seperti Singapura dan Pulau Pinang dan juga di Johor Bahru. Singapura merupakan pusat perniagaan dan perdagangan dan ramai orang Arab bertumpu di Singapura. Walaupun orang Arab merupakan kumpulan minoriti di Singapura, namun mereka mempunyai pengaruh dan terlibat dalam sektor ekonomi di pulau itu. Dikatakan bahawa pedagang Arab Yaman membawa tradisi wakaf yang dipraktikkan di negera asal mereka, Yaman ke Singapura dan ia menjadi semakin penting dan berperanan besar dalam masyarakat menjelang abad

ke-19 Masihi (Zaki, 2014).

Sorotan Kajian Literatur

Kajian lepas mengenai penglibatan orang Arab dalam kerja amal khasnya dalam kalangan Arab Hadhrami keturunan Sayyid di Malaysia tidak dibincangkan secara langsung. Namun maklumat mengenai kerja amal mereka dapat dikenalpasti secara tidak langsung daripada sumbangan dan penglibatan mereka dalam masyarakat melalui rekod, laporan akhbar dan penulisan ilmiah. Sorotan literatur ini disusun mengikut tema iaitu hubungan orang Arab dengan orang Melayu dan penglibatan orang Arab dalam bidang ekonomi yang menyumbang kepada pendapatan mereka serta sumbangan dan penglibatan mereka dalam kerja amal.

Hubungan Orang Arab dengan Orang Melayu

Orang Arab khasnya dalam kalangan keturunan Sayyid mempunyai hubungan baik dengan orang Melayu. Mereka juga turut mempunyai hubungan baik dengan kerabat diraja dan juga pembesar Melayu tempatan. Hubungan baik ini bertambah erat melalui ikatan perkahwinan apabila terdapat dalam kalangan orang Arab yang berkahwin dengan wanita Melayu khasnya dalam kalangan kerabat diraja. Sebagai contoh perkahwinan Sayyid Harun Jamalullail dengan Tengku Safiah, iaitu puteri Tunku Dhiauddin, raja Kedah (Hussain, 1969) dan Sayyid Abdul Rahman bin Sayyid Abdullah seorang Arab Hadhrami yang berkahwin dengan kakanda Tun Koris yang tiba di Pahang sekitar tahun 1803-1806. Sayyid Abdul Rahman merupakan keturunan Arab yang datang ke Pahang dari Jakarta, Indonesia. Melalui perkahwinan ini lahir keturunan al-Habsyi di Pahang (Mahayudin, 1984).

Di Terengganu, keluarga al-Idrus merupakan antara keluarga Arab Hadhrami keturunan Sayyid yang berpengaruh dalam aspek pentadbiran dan juga agama. Sayyid Abdul Rahman bin Sayyid Muhammad al-Idrus yang terkenal dengan gelaran Tokku Paloh dan bapa beliau Sayyid Muhammad atau lebih dikenali sebagai Tokku Tuan Besar juga telah berkahwin dengan keturunan diraja Terengganu (Robert, 1977). Keluarga al-Attas dan al-Sagoff juga turut mempunyai hubungan baik dengan kerabat diraja Pahang dan Johor. Sayyid Zayn al-Attas yang berasal dari Hadhramaut, Yaman telah mengembara ke Makasar dan berkahwin dengan puteri Bugis (Arai, 2004). Sayyid Zayn al-Attas turut terlibat dalam perniagaan di Pahang. Mereka juga mempunyai hubungan baik dengan kerabat diraja Pahang.

Hubungan akrab ini merupakan antara faktor yang menyumbang kepada penganugerahan tanah konsesi oleh raja-raja Melayu kepada orang Arab keturunan Sayyid. Sebagai contoh Sayyid Hassan al-Attas telah dianugerahkan dengan tanah konsesi di Ketapang, Pahang. Beliau juga turut dianugerahkan dengan tanah konsesi seluas 2000 ekar di Johor Bahru oleh Sultan Johor dan tanah konsesi ini dikenali sebagai Estet Habib Hassan (Aminuddin, 1996). Manakala keluarga al-Sagoff iaitu Sayyid Mohamad al-Sagoff@al-Saqqaf juga turut dianugerahkan tanah konsesi seluas 60,000 ekar di Kukob, Pontian Johor. Tanah konsesi ini dikenali sebagai Estet Konstantinople (Saadiyah, 1978). Sultan Johor juga turut menganugerahkan tanah konsesi kepada beberapa orang Arab keturunan Sayyid bagi tujuan pelombongan bijih timah di Air Putih, Johor (Mohd Sohaimi, 1999).

Penglibatan orang Arab dalam bidang Ekonomi

Penglibatan orang Arab di Tanah Melayu tidak hanya berkisar dalam aspek dakwah dan aktiviti keagamaan semata-mata. Kemampuan orang Arab untuk menyesuaikan diri dalam kalangan komuniti Melayu serta hubungan baik mereka dengan pembesar Melayu dan kerabat diraja telah membuka peluang kepada mereka untuk melibatkan diri dalam bidang ekonomi. Terdapat dalam kalangan orang Arab yang memiliki perusahaan dan perniagaan sendiri serta menyandang jawatan penting dalam pentadbiran dan hal ehwal agama.

Orang Arab juga turut aktif dalam bidang perniagaan dan perdagangan malah mereka turut menguasai aspek ekonomi di Tanah Melayu pada tahun 1920-an dan 1930-an seperti dalam bidang hartanah dan perniagaan. Perniagaan dan perdagangan merupakan antara faktor yang membawa mereka merantau ke Asia Tenggara khasnya di Tanah Melayu. Sebagaimana yang dibincangkan oleh Freitag (2002) orang Arab daripada keturunan Sayyid merupakan antara keluarga Arab yang paling berpengaruh dan terkaya di negeri-negeri Melayu dan Selat sebelum merdeka. Nama-nama seperti al-Kaff, al-Sagoff, al-Junied dan al-Attas merupakan antara keluarga Arab yang memiliki aset dan hartanah yang banyak di Singapura dan Malaysia. Mereka juga merupakan antara pembayar cukai terbanyak semasa zaman penjajahan British di Tanah Melayu.

Mohd Suhaimi (1999) turut membincangkan mengenai penglibatan orang Arab dalam perlombongan bijih timah di Johor. Sultan Johor turut menganugerahkan tanah konsesi bagi tujuan perlombongan di Air Putih kepada Sayyid Abdullah

Al-Junied, Sayyid Junied Umar AL-Junied, Sayyid Abu Bakar Umar Al-Junied dan Sayyid Salim Mohsin al-Attas. Pemberian tanah konsesi ini merupakan satu bentuk insentif yang besar kepada orang Arab bagi memulakan perusahaan perlombongan di Tanah Melayu ketika itu.

Latifah (2016) turut membincangkan mengenai penglibatan orang Arab dalam sektor perlombongan di Johor dan Pahang semasa pentadbiran British. Antara orang Arab yang bergiat aktif dalam sektor perlombongan ialah Sayyid Mohamed al-Saqqaf, seorang usahawan Arab dari Singapura dan Habib Hassan al-Attas juga seorang usahawan berjaya di Pahang. Daripada rekod sebanyak 12 lesen melombong biji timah telah dikeluarkan kepada orang Arab oleh pentadbiran British di Negeri Johor dari tahun 1914 hingga tahun 1942. Selain melombong bijih timah, orang Arab juga turut terlibat dalam perusahaan perlombongan emas di Pahang. Sebagai contoh Habib Hassan yang telah dianugerahkan dengan kawasan perlombongan emas dan Sayyid Mohamed Alwi al-Haddad mendapat lesen untuk melombong emas di Batu Talam, Raub Pahang (Latifah, 2016).

Penglibatan Dalam kerja Amal

Walaupun ramai dalam kalangan orang Arab berjaya dalam bidang perniagaan dan perusahaan, mereka juga turut terlibat dalam aktiviti dan kerja amal bagi memenuhi tanggungjawab sosial mereka terhadap agama dan bangsa. Bersedekah adalah satu amalan mulia dan dianjurkan oleh Islam bagi membantu orang susah daripada golongan fakir dan miskin serta mereka yang memerlukan. Selain daripada pemberian dalam bentuk zakat, bersedekah secara sukarela dengan niat membantu mereka yang memerlukan turut digalakkan oleh agama.

Sorotan literatur yang membincangkan penglibatan orang Arab dalam kerja amal secara khusus jarang dibincangkan. Latifah (2016) dalam penulisan tesis beliau ada membincangkan mengenai sumbangan orang Arab Hadhrami keturunan Sayyid di Malaysia dari tahun 1819 hingga tahun 1969 dalam aspek agama, pendidikan agama iaitu madrasah, ekonomi, pentadbiran dan politik. Daripada penulisan ini didapati beberapa orang tokoh Arab keturunan Sayyid terlibat secara langsung dalam pembinaan madrasah, pembinaan masjid, rumah anak yatim dan aktiviti amal yang lain bagi membantu orang Islam di Malaysia sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk kualitatif. Kajian perpustakaan dijalankan bagi mendapatkan maklumat berkaitan. Data diperoleh daripada sumber arkib seperti rekod daripada Colonial Office (CO), arkib, surat persendirian, akhbar dan juga penulisan ilmiah. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan maklumat berkaitan penglibatan orang Arab keturunan Sayyid dalam kerja amal di Malaysia sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua.

Dapatan & Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa orang Arab khususnya dalam kalangan keturunan Sayyid aktif dalam melakukan kerja amal di Malaysia sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Kebanyakan orang Arab keturunan Sayyid yang berpengaruh dan mempunyai kedudukan dalam masyarakat terdiri daripada kalangan ahli perniagaan. Sumbangan dalam bentuk dana, derma dan lain-lain bagi menjayakan kerja amal merupakan satu bentuk tanggungjawab sosial mereka terhadap masyarakat khususnya orang Islam. Penulisan ini tidak bermaksud untuk mengkaji penglibatan semua orang Arab di Malaysia dalam kerja amal. Perbincangan dapatan kajian ini memberi fokus kepada beberapa orang tokoh dalam kalangan orang Arab keturunan Sayyid yang terpilih bagi membincangkan serta mengetengahkan sumbangan dan penglibatan mereka dalam kerja amal seperti sumbangan dalam bentuk idea, pembinaan madrasah, masjid dan rumah anak yatim.

Antara sumbangan yang dilakukan oleh orang Arab bagi kepentingan umat Islam ialah menubuhkan madrasah atau sekolah Arab. Madrasah atau sekolah Arab merupakan inisiatif orang Arab dalam usaha memajukan anak bangsa khususnya orang Melayu bagi membebaskan diri mereka daripada belenggu penjajah serta pemikiran jumud. Hanya melalui pendidikan orang Islam dapat mengangkat kedudukan mereka dalam masyarakat agar seiring dan lebih baik daripada kaum pendatang dalam arus pembangunan negara. Madrasah atau sekolah Arab ialah satu bentuk pendidikan moden yang memberi perhatian terhadap ilmu moden tanpa mengetepikan pendidikan agama. Hasrat murni pendidikan madrasah ialah untuk melahirkan generasi muda Islam yang berpengetahuan agama serta berpendidikan tinggi dengan ilmu moden (sekular). Bagi merealisasikan penubuhan madrasah, orang Arab yang berpengaruh dan berharta turut menyumbang bagi membiayai kos pembinaan dan penyelenggaraan madrasah serta membayar gaji

tenaga pengajar. Pembinaan madrasah juga adalah sebahagian daripada hasrat mereka bagi menghidupkan tradisi keilmuan di rantau ini dalam usaha menyebarkan syiar Islam serta memberi pemahaman Islam yang lebih baik kepada masyarakat bermula daripada peringkat kanak-kanak (Rauf, 1965).

Syed Shaikh Al-Hadi (1867-1934) merupakan antara pelopor awal pendidikan madrasah di Tanah Melayu. Penubuhan Madrasah al-Iqbal al-Islamiyyah (1908) di Singapura merupakan antara usaha Syed Shaikh al-Hadi dalam memperkenalkan pendidikan agama yang diadaptasi daripada sistem pendidikan dari Mesir. Syed Shaikh Al-Hadi berusaha mendidik anak bangsa dengan pengetahuan agama dan bahasa Arab serta menanamkan idea pembaharuan dalam masyarakat. Namun, sekolah ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat dan akhirnya terpaksa ditutup pada tahun 1909 (Talib 1992, Siti 2009) Syed Shaikh Al-Hadi boleh dianggap sebagai antara sarjana dan reformis terawal yang memperkenalkan pembaharuan keilmuan terhadap pendidikan orang Melayu pada awal abad ke-20 Masihi.

Syed Shaikh Al-Hadi juga turut menyumbang pandangan dan idea dalam usaha memperbaiki mutu pendidikan dan pengurusan Madrasah al-Masyhor, Pulau Pinang. Atas inisiatif dan kesedaran pemimpin masyarakat Arab di Pulau Pinang, sebuah Sekolah Al-Qur'an atau Madrasatul Qur'an telah dibuka dan beroperasi di Masjid Melayu di Lebuah Aceh (Acheen Street) (Rahim, 1980). Antara orang Arab yang bekerja keras mewujudkan sekolah ini ialah Sayyid Abdul Rahman al-Habshi, Sayyid Umar al-Sagoff, Sayyid Hassan al-Baghdadi, Sayyid Ali Bawazir, Sayyid Mahzar Aidid dan Sayyid Umar Mahzar. Sayyid Abdul Rahman al-Habshi merupakan pentadbir pertama sekolah ini. Seramai 16 orang murid telah mendaftar dan mereka terdiri daripada anak-anak keturunan Arab. Segala kos pembinaan, pengurusan dan penyediaan guru ditanggung oleh orang Arab. Pada tahun 1916, sebuah sekolah Arab yang lebih sempurna telah dibina di Kampung Jawa Lama dan ia diberi nama Madrasah al-Masyhur bersempena nama seorang tokoh Islam di pulau itu iaitu Sayyid Ahmad al-Masyhur yang juga dikenali sebagai Ayid Mashoor atau Masyhur yang banyak menyumbang kepada pembinaan madrasah ini. (Omar, 1978; Rahim, 1980). Penubuhan madrasah ini telah mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat Melayu. (ANM, SP 10/20). Kebanyakan pelajar yang tamat pengajian di Madrasah Al-Masyhur melanjutkan pengajian di Mesir dan mereka turut dibiayai melalui sumbangan yang diberikan oleh komuniti perdagangan Arab di

Pulau Pinang. (Ar-Rajaa, 1928).

Selain itu, keluarga al-Attas juga merupakan antara keluarga Arab yang berpengaruh di Tanah Melayu. Sayyid atau Habib Hassan al-Attas (1832-1932) merupakan antara ahli keluarga al-Attas yang terkenal dalam bidang perniagaan dan beliau juga seorang usahawan yang berjaya. Beliau mempunyai hubungan rapat dengan keluarga diraja Johor dan pernah dianugerahkan Pingat Darjah Kerabat (al-Attas, 1984). Habib Hassan juga seorang dermawan. Beliau menggunakan kekayaan yang diperolehi dengan menyumbang semula kepada masyarakat dengan menubuhkan madrasah, satu bentuk pendidikan yang lebih baik dan terkini kepada anak-anak Muslim, membiayai pembinaan masjid dan mewakafkan tanah untuk dijadikan sebagai kawasan perkuburan di Pahang, Johor dan Hadhramaut. Pada tahun 1926 Habib Hassan telah membeli sebuah bangunan tiga tingkat di Kaherah, Mesir pada harga 10 ribu pound dan mewakafkan bangunan tersebut untuk kegunaan pelajar dari Malaysia yang menyambung pengajian di sana. Bangunan tersebut kemudiannya disewakan kepada pelajar pada kadar RM15 hingga RM60 sebulan (Al-Attas, 1984; GA 506/1929). Bangunan ini dapat menempatkan sekitar 40 hingga 50 orang pelajar dan ia dijadikan sebagai asrama bagi pelajar dari Tanah Melayu dan juga negara Arab lain. (Seruan Azhar, Jun 1926).

Habib Hassan al-Attas telah menubuhkan beberapa buah sekolah Arab di Tanah Melayu antaranya ialah Madrasah al-Attas al-Arabiyah yang dibuka pada tahun 1913 di Johor. Beliau juga telah membina sebuah sekolah agama untuk pelajar perempuan iaitu Madrasah al-Attas li al-Banat atau Al-Attas Girls School di Wadi Hassan, Johor Bahru (Abd Rasyid, 1995/6). Habib Hassan menanggung kos pembinaan madrasah dengan menggunakan wang beliau sendiri. Bagi memenuhi keperluan pengajian peringkat yang lebih tinggi, pada tahun 1931 Kolej Islam pertama telah dibuka di Johor Bahru yang dikenali sebagai Kuliah al-Attas. Kolej ini dibina bagi melahirkan guru-guru agama. Kolej ini mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai. Pelajar yang mendaftar bukan hanya dari negeri Johor, malah ada dalam kalangan pelajar yang datang dari Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Malah terdapat juga pelajar dari luar negara yang datang belajar di Kuliah al-Attas seperti dari Langkat, Palembang, Indragiri dan Brunei (Abd Rashid, 1995/96).

Keluarga al-Attas juga turut menjaga kebajikan ahli keluarga dan sanak saudara mereka yang berada di Hadhramaut, Yaman. D. Van der Meulen seorang

peneroka keturunan Belanda telah melaporkan mengenai perkembangan Hadhramaut semasa beliau melawat Horeida atau Huraidhah pada bulan Mei dan Jun 1931 iaitu sebuah daerah yang dihuni oleh kebanyakan keluarga al-Attas. Dalam laporan itu beliau menceritakan mengenai daerah tersebut yang memiliki rumah-rumah dan masjid yang cantik yang dibina hasil daripada sumber kewangan yang diperolehi daripada saudara mereka yang bekerja di Singapura dan Jawa. Kiriman wang daripada ahli keluarga yang berhijrah keluar negara banyak membantu kehidupan ahli keluarga mereka dan juga masyarakat Arab lain di Hadhramaut, Yaman termasuklah keluarga al-Attas (Mohammad, 2006 lihat nota hujung no.30).

Selain daripada keluarga al-Attas, keluarga al-Saggof juga turut terkenal dengan sifat dermawan apabila Sayyid Mohamed bin Ahmed bin Abdul Rahman Al-Sagoff (1836-1906) seorang ahli perniagaan dan usahawan berjaya di Tanah Melayu turut memberi sumbangan bagi kepentingan umat Islam di Singapura. Antara sumbangan Sayyid Mohammad ialah beliau telah menubuhkan Tabung Wakaf Al-Sagoff, Persatuan Dana Wakaf Orang Islam, Al-Sagoff Dispensari dan Rumah anak Yatim (Al-Sagoff, 1963). Tabung Wakaf Al-Sagoff berperanan penting dalam menghidupkan beberapa institusi. Satu pertiga daripada pelaburan dana tabung ini digunakan bagi mengurus Madrasah Al-Sagoff (1912), Dispensari Al-Sagoff dan Rumah Anak-Anak Yatim (The Straits Times, 1994).

Persatuan Dana Wakaf Orang Islam atau Muslim Trust Fund Association (MTFA) telah diasaskan oleh Sayyid Mohamed Al-Sagoff dengan bantuan Syed Abdul Kader Al-Sagoff, Ahmad M.S Mahboob bin Faizal, M. Mohamed, Mohamed Idid dan Haji Mohamed Hakim pada 31 Ogos 1904 sebelum beliau meninggal dunia pada tahun 1906. MTFA masih beroperasi sehingga hari ini. MTFA ditubuhkan dengan tujuan antara lain bagi membantu dan menjaga kebajikan orang yang kurang upaya dan golongan miskin kerana pada ketika itu belum ada persatuan yang dapat menjaga kebajikan dan membela orang susah seperti anak-anak yatim di Singapura. Hasilnya dua buah rumah anak yatim telah didirikan iaitu Rumah Anak Yatim Darul Ihsan yang terletak di Mattar Road untuk anak yatim lelaki dan sebuah lagi di Wan Tho Avenue untuk anak-anak yatim perempuan. MTFA juga turut memberi bantuan perkhidmatan pengurusan pengebumian secara percuma, memberi bantuan kewangan serta bantuan biasiswa. MTFA memperoleh sumber kewangan daripada hasil sewa hartanah, derma serta pelbagai

sumber kewangan lain daripada pelbagai pihak (MTFA, 2021; Siti et.al, 2011).

Seorang pegawai kolonial British telah membuat laporan mengenai Sayyid Mohamed al-Sagoff iaitu Sayyid Mohamed merupakan seorang usahawan Arab yang memiliki syarikat perkapalan di Johor dan Singapura. Menurut pegawai kolonial ini lagi, Sayyid Mohamed merupakan seorang Muslim yang taat. Sejak kematian bapa beliau keluarga al-Sagoff seringkali kali memberi makanan kepada orang ramai di masjid pada setiap hari Jumaat. Menurut beliau lagi, Sayyid Mohamed seorang yang agak liberal namun beliau bukanlah seorang yang fanatik, iaitu beliau juga turut bergaul dan berurusan dengan orang Eropah (Nurfadzilah, 2009). Keluarga al-Sagoff memiliki banyak hartanah antaranya ialah Hotel Raffles pada tahun 1900-an (Smith, 1997).

Tokoh Arab lain yang turut menyumbang kepada masyarakat ialah Syed Abdul Rahman bin Taha al-Sagoff (1880-1955). Syed Abdul Rahman merupakan keturunan Al-Sagoff yang bergiat aktif dalam kerja amal. Beliau juga dikenali sebagai Engku Aman, merupakan anak saudara dan menantu kepada Sayyid Mohamad bin Ahmed al-Sagoff. Engku Aman merupakan cucu kepada Hajjah Fatimah seorang pedagang Melaka yang kaya raya dan juga merupakan Sultanah Gowa dari Sulawesi (Celebes). Sayyid Abdul Rahman mempunyai darah keturunan raja, oleh itu beliau digelar Engku (The Straits Times, 1994). Beliau merupakan seorang ahli perniagaan yang kaya dan memiliki banyak hartanah di Singapura. Beliau menubuhkan syarikat S.A.T. Al-Sagoff Landowners and Estate Developers pada tahun 1915. Walaupun berharta, namun beliau seorang yang merendah diri (tawaduk). Dikatakan beliau sering mengadakan kenduri dengan memberi makan kepada orang ramai di rumah agam beliau di Geylang pada setiap hari khamis. Beliau juga merupakan presiden Persatuan Tabung Amanah Muslim yang ditubuhkan pada tahun 1904. Ia merupakan badan Islam pertama yang bertanggungjawab memenuhi keperluan kebajikan dan spiritual umat Islam di Singapura pada ketika itu. Beliau turut membina semula Masjid Hajjah Fatimah, menyelenggara Madrasah Al-Sagoff al-Arabiah dan menguruskan dua buah rumah anak yatim di Singapura iaitu Darul Ihsan untuk anak-anak lelaki dan Darul Ihsan Lilbanat untuk anak-anak perempuan (The Straits Times, 1994).

Keluarga Arab Al-Junied di Singapura juga banyak menyumbang kepada kerja amal. Antara ahli keluarga Al-Junied yang disegani serta memiliki harta dan kekayaan yang banyak ialah Sayyid Umar bin Ali Al-Junied (Buckley, 1902). Sayyid Umar Al-Junied

merupakan salah seorang ahli perniagaan Arab terkemuka di Singapura. Beliau merupakan seorang ahli perniagaan yang dihormati kerana kewarakan dan juga kemurahan hati beliau. Sebelum beliau meninggal dunia, beliau telah memberi sebidang tanah sebagai kawasan perkuburan umat Islam serta membina sebuah masjid di Bencoolen Street, Singapura. Kerja amal yang dilakukan oleh Sayyid Umar diteruskan oleh ahli keluarga beliau yang lain setelah kematian beliau pada tahun 1852. Sebagai contoh Sayyid Abdallah, anak kepada Sayyid Umar telah membina masjid di Kampung Melaka (Sumit, 1997).

Sayyid Ali Mohamad Al-Junied, sepupu Sayyid Umar mewarisi perniagaan dan kekayaan keluarga al-Junied. Sayyid Ali juga seorang dermawan. Beliau telah menghadiahkan sebidang tanah seluas 5 ekar di kawasan bandar Singapura kepada Jawatankuasa Pengurusan di kawasan Victoria dan Arab Street bagi pembinaan Hospital Tan Tok Seng. Beliau turut menderma sebidang tanah sebagai tanah perkuburan umat Islam serta membina telaga-telaga bagi kegunaan orang ramai (Buckley, 1902; CO 273/104.SS; Mohammad, 2006). Selain itu, Sayyid Abdul Rahman bin Sayyid Junied bin Umar al-Junied turut membina madrasah yang dinamakan sempena keluarga Al-Junied iaitu Madrasah Al-Junied al-Islamiyyah pada tahun 1927 di Singapura. Semua kos pembinaan madrasah dibiayai menggunakan hasil daripada pendapatan wakaf kawasan perkuburan Kampung Glam yang dimiliki oleh Sayyid Umar bin Ali al-Junied. Madrasah ini menerima kemasukan pelajar dari dalam dan juga luar negara seperti dari Tanah Melayu sendiri, Jawa, Borneo, Indonesia, Pulau Solo, Filipina dan juga Brunei (Salbiah Zainal, 1993; ANM 2006/01542).

Keluarga Arab lain yang turut menyumbang bakti kepada masyarakat ialah keluarga Al-Kaff. Keluarga Al-Kaff juga aktif dalam melakukan kerja amal seperti membiayai hospital, tanah perkuburan, mendirikan sekolah-sekolah agama, membina masjid dan membiayai sambutan perayaan dan perayaan keagamaan (Turnbull, 1989). Antara ahli keluarga al-Kaff yang terkenal adalah Sayyid Mohamad bin Abdul Rahman al-Kaff, seorang ahli perniagaan yang berdagang antara Singapura dan Pulau Jawa. Sayyid Mohamad al-Kaff tidak mempunyai anak. Selepas kematian beliau harta dan perniagaan diwarisi oleh adiknya Shaykh al-Kaff. Apabila Shaykh al-Kaff meninggal dunia, anaknya Sayyid Ahmad bin Shaykh al-Kaff telah mewarisi hartanah yang banyak di Singapura (Turnbull, 1989).

Perniagaan keluarga Al-Kaff turut memiliki hotel

ala Eropah yang moden dan mewah di Singapura pada tahun-tahun 1930-an. Pada tahun 1940 syarikat milik mereka dikenali sebagai Alkaff and Co., House and Landowners and Estate Agents merupakan sebuah syarikat ejen hartanah yang terkenal di Singapura. Mereka tidak hanya memiliki hartanah yang banyak di Singapura, malah juga di Pulau Pinang. (Clarence-Smith, 1997; Turnbull, 1989). Dilaporkan bahawa syarikat AlKaff & Co merupakan sebuah syarikat pemilikan hartanah terbesar di Singapura dan juga merupakan pembayar cukai terbanyak di Singapura menjelang tahun 1908. Tahun-tahun 1920-an dan 1930-an merupakan zaman kegemilangan bagi orang Arab di Singapura. Mereka menerajui banyak kegiatan perniagaan serta memiliki banyak aset dan hartanah (Ulrike Freitag, 2002; CO 273/551/16)

Syeikh Omar bin Abdullah bin Ahmad bin Salim bin Abdullah bin Abu Bakar al-Khatib merupakan orang Arab yang berasal daripada dari Tarim, Hadhramaut. Beliau telah berhijrah dan menetap di Singapura sejak tahun 1935. Beliau merupakan salah seorang pendakwah yang mengajar kelas-kelas agama di Singapura dan juga seorang ahli perniagaan yang memiliki perusahaan di Kandahar Street, Singapura. Dikatakan bahawa beliau merupakan seorang guru yang pemurah dan sentiasa membantu pelajar yang susah dari segi bantuan kewangan. Malah beliau juga sentiasa mengirim wang kepada saudara mara yang masih menetap di Tarim, Hadhramaut, Yaman (PERGAS, 2014).

Kerja amal yang dilakukan oleh keluarga Arab keturunan Sayyid di Singapura banyak bergantung kepada sumber kewangan daripada dana wakaf. Wakaf berperanan penting bagi memastikan kelangsungan hidup, kebajikan dan pembangunan masyarakat Islam di Singapura. Keuntungan yang diperolehi daripada hasil wakaf digunakan bagi memenuhi keperluan, perkembangan dan pembangunan institusi keagamaan seperti masjid dan juga madrasah atau sekolah agama. Bukan hanya orang Arab, malah orang ramai juga secara tidak langsung turut menyumbang kepada masyarakat menerusi penubuhan wakaf.

Bagi memastikan kelancaran pengurusan dana wakaf di Singapura khasnya selepas Perang Dunia Kedua, ia kemudiannya dikelolakan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) yang menyaksikan sumbangan daripada pelbagai pihak dan hasil keuntungan wakaf dimanfaatkan kepada orang Islam di Singapura dan juga Muslim di luar Singapura mengikut wasiat daripada pewakif seperti di Yaman, India, Arab Saudi dan Indonesia. Wakaf berperanan penting dalam menjaga kepentingan orang Islam di

Singapura kerana institusi keagamaan seperti madrasah tidak mendapat bantuan kewangan daripada pemerintah. Duit wakaf ini juga digunakan bagi membantu fakir miskin, mengelolakan perayaan keagamaan dan juga organisasi Islam di Singapura (Zaki, 2014)

Pelaksanaan wakaf secara teknikalnya mempunyai sejarahnya yang tersendiri sejak sebelum kedatangan Islam tetapi bukan atas nama wakaf. Hanya apabila Islam muncul di Tanah Arab ia telah diberi nama wakaf sebagaimana amalan Nabi Muhammad SAW sendiri yang mewakafkan tujuh kebun kurma di Madinah. Amalan wakaf yang dilakukan oleh Nabi diikuti oleh para sahabat iaitu dengan mengekalkan manfaat sesuatu harta untuk kegunaan orang ramai. Wakaf masjid yang diamalkan oleh Nabi dan diteruskan oleh generasi Muslim sehingga pada hari ini merupakan satu wakaf yang berpanjangan dan ia merupakan lambang syiar Islam sebagai tempat ibadah dan tempat penyebaran ilmu pengetahuan (Mohd, 2014). Masjid tidak hanya berperanan sebagai rumah ibadah, malah juga sebagai pusat perkembangan Islam dan ilmu pengetahuan. Sebagai contoh Madrasah al-Masyhur, Pulau Pinang yang bermula daripada kelas harian agama yang dijalankan di masjid dan akhirnya mempunyai bangunan sendiri berfungsi sebagai pusat pengajian ilmu hasil daripada usaha dan kerjasama masyarakat Islam di Pulau Pinang.

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahwa dana endowmen atau wakaf berperanan penting sebagai sumber kewangan bagi menguruskan madrasah, masjid dan rumah anak yatim. Keuntungan yang diperoleh daripada wakaf disalurkan bagi melaksanakan kerja-kerja amal sekalipun pemilik asalnya sudah meninggal dunia. Ia merupakan sumbangan jariah yang berterusan oleh si penderma. Syed Farid (1997) menegaskan bahawa wakaf turut berperanan penting dalam pembangunan Hadhramaut dan ramai orang bergantung kepadanya. Ramai diaspora Arab yang menetap di Malaysia dan Indonesia mengirim wang kepada saudara mara mereka yang berada di Hadhramaut, Yaman. Sebagai contoh, hasil yang diperoleh daripada Dana Waqaf Sayyid Mohammad bin Ahmad Al-Sagoff diagihkan kepada pelbagai saluran antaranya ialah bagi penyelenggaraan masjid Hajjah Fatimah di Singapura, menguruskan Madrasah Al-Sagoff al-Arabiah, Singapura dan membantu saudara-mara mereka yang susah di Singapura dan juga di luar Singapura serta di Hadhramaut, Yaman. Orang miskin di bandar Seiyun dan kawasan lain di Hadhramaut juga turut mendapat manfaat daripada wang waqf ini (Manger, 2013).

Kegawatan ekonomi dunia yang berlaku pada akhir

Oktober tahun 1929 dengan kejatuhan harga di Bursa Saham Wall Street di New York telah mencetuskan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun-tahun 1930-an. Situasi ini turut memberi kesan besar terhadap ekonomi masyarakat di Tanah Melayu yang melibatkan kegiatan eksport bahan mentah seperti getah dan bijih timah (Nadaraja, 2016). Ramai orang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan akibat daripada kemelesetan ekonomi yang melanda dunia pada ketika itu. Perang Dunia Kedua yang berlaku pada awal tahun 1940-an telah memberi impak besar terhadap ekonomi Tanah Melayu termasuklah di negeri-negeri Selat. Hampir seluruh aktiviti perdagangan, perusahaan dan perniagaan telah tergendala.

Walaupun orang Arab merupakan antara pemilik perniagaan dan perusahaan terbesar di Singapura, namun mereka juga turut terkesan dengan kemerosotan ekonomi yang melanda dunia pada ketika itu. Kegawatan ekonomi dan peperangan yang terjadi telah menyebabkan perniagaan hartanah mereka merosot. Kadar sewa hartanah telah jatuh dan secara tidak langsung ia turut memberi kesan terhadap sumber pendapatan orang Arab dan juga kepada jumlah kiriman wang yang dihantar ke kampung halaman mereka di Hadhramaut, Yaman (Nurfadzilah, 2009).

Akibat daripada kemerosotan sumber pendapatan daripada dana-dana wakaf akhirnya banyak madrasah di Malaysia telah diambil alih pengurusannya oleh kerajaan negeri selepas Perang Dunia Kedua dan selepas kemerdekaan tanah air seperti Madrasah al-Masyhor, Pulau Pinang, Madrasah al-Attas al-Arabiyyah, Johor dan Madrasah al-Attas di Ketapang, Pahang. Manakala madrasah di Singapura seperti Madrasah Al-Junied al-Islamiyyah dan Madrasah al-Saggof al-Arabiyyah masih lagi beroperasi sehingga ke hari ini dan dikelolakan menggunakan dana wakaf di bawah pengurusan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).

Kesimpulan

Walaupun orang Arab merupakan kumpulan minoriti dalam masyarakat Melayu, namun ia tidak menghalang mereka daripada berkembang maju dalam pelbagai aspek kehidupan di Tanah Melayu. Orang Arab terlibat dalam pelbagai sektor dan industri seperti perdagangan, perkapalan, pendidikan, perlombongan dan pertanian. Walaupun sibuk dengan aktiviti perniagaan, orang Arab tidak mengabaikan tanggungjawab sosial mereka terhadap masyarakat. Mereka turut menyumbang kepada masyarakat

melalui kerja amal seperti mendirikan masjid, membina madrasah, mewakafkan tanah untuk kegunaan umum seperti kawasan perkuburan, membina rumah anak yatim dan hospital.

Wakaf berperanan penting dalam memastikan sumbangan dan usaha mereka kepada masyarakat dapat diteruskan dan dinikmati manfaatnya sehingga ke hari ini. Pengurusan wakaf yang baik adalah penting bagi memastikan kelangsungan sumbangan mereka kepada ummah berkekalan. Sumber kewangan daripada dana wakaf berperanan penting bagi menghidupkan institusi dan kerja amal yang telah diusahakan oleh orang Arab. Keuntungan daripada hasil harta yang telah diwakafkan digunakan untuk kebaikan dan manfaat orang ramai khususnya masyarakat Islam. Penubuhan masjid dan madrasah adalah sumbangan yang berpanjangan dan mendatangkan manfaat yang banyak kepada masyarakat. Madrasah-madrasah ini berjaya menghasilkan cendekiawan dan agamawan yang telah turut berjuang mencapai kemerdekaan tanah air pada dekad-dekad yang lalu. Malah, lulusan madrasah-madrasah ini juga telah menjadi perintis kepada penubuhan madrasah lain di negara ini. Sistem pendidikan madrasah sedikit sebanyak telah berjaya mengubah persepsi masyarakat terhadap kepentingan pendidikan khususnya pengajian Islam.

Manfaat daripada pelaksanaan kerja amal yang dilakukan oleh orang Arab keturunan Sayyid di Singapura tidak hanya diberikan kepada orang Muslim tempatan, malah turut dipanjangkan kepada Muslim luar Singapura. Peranan dan sumbangan yang ditunjukkan oleh orang Arab terdahulu patut dijadikan sebagai contoh oleh generasi hari ini sebagai suatu usaha dalam memberi khidmat bakti kepada bangsa, agama dan negara. Sumbangan yang diberikan melalui kerja amal merupakan satu amalan yang mulia. Dana wakaf merupakan salah satu bentuk amal jariah yang berterusan sekiranya ia diurus dengan baik dan manfaatnya dapat dinikmati oleh ramai orang melewati agama, bangsa dan negara.

Imam Al-Ghazali dalam karya beliau *Ihya' Ulumuddin* ada berbicara mengenai sedekah sukarela iaitu Nabi Muhammad SAW pernah bersabda, "Tidaklah seorang hamba bersedekah dengan baik, melainkan Allah memberikan generasi penerus yang baik pada keturunannya". Dan apabila Nabi Muhammad SAW ditanya tentang sedekah yang paling utama maka baginda menjawab "Bila engkau bersedekah dalam keadaan sihat, bakhil, mengharap kaya dan takut miskin" (Al-Ghazali, 2003).

Rujukan

Sumber Primer

ANM 2006/01542. Arkib Nasional Malaysia

CO 273/551/16. Enclosure No. 2 to "Penzance's" Report of Proceeding for Month of March, 1933. Narrative of a Visit to the Wadi Hadramaut.

CO 273/104.SS. Straits Settlements.

CO273/104. Straits Settlements, 1880, Vol. III, Aug – Oct., Gov. Sir A.A. Weld, Nos. 97-211.

GA 506/1929. (1929). Letters between High Commissioner Singapore and GA dated from 27 August until 5 September 1929.

SP. 10/20. ANM. Koleksi Surat Peribadi. Arkib Negara Malaysia.

Sumber Sekunder

Abdul Ali. (1980). The Arabs as Seafarers. *Islamic Culture*. 54(4), 211-217.

Affan Seljuq. (1989). Some Muslim Geographers on South-East Asia. *Journal of Pakistan Historical Society*, 37(2), 129.

Al-Ghazali. (2003). Ringkasan *Ihya' Ulumuddin*. (Zaid Hussein Al Hamid, Terj.). Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Aminuddin bin Abd. Rashid. (1996). Syed Hassan bin Ahmad al-Attas: Satu Kajian Biografi. [B.A. Latihan Ilmiah]. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

AlSagoff, Syed Mohsen. (1963). The AlSagoff Family in Malaysia A.H. 1240 (A.D. 1824) to A.H. 1382 (A.D. 1962) with biographical and Contemporary Sketches of Some Members of the AlSagoff Family (compiled and published by Syed Mohsen AlSagoff). Singapura: S.M. AlSagoff.

Aminuddin bin Abd. Rashid. (1996). Syed Hassan bin Ahmad al-Attas: Satu Kajian Biografi. [B.A. Latihan Ilmiah]. University of Malaya Kuala Lumpur.

Anon. (1994, August 20). Engku Aman was a Philanthropist and strict Patriarch. *The Straits Times*, hlm. 29.

Anon. (1994, Sept. 4). The ex-Geylang resident with a road named after him. *The Straits Times*, hlm.

5.

Alatas, Syed Farid. (1997). *Hadhramaut and the Hadhrami Diaspora: Problems in Theoretical History*. Dalam Ulrike Freitag and William G. Clarence-Smith (eds.), *Hadhrami Traders, Scholars and Statesmen in the Indian Ocean, 1750s – 1960s*, (Hlm. 19-34). Leiden: Brill.

Ar-Rajaa. (1928, 1 Ogos). 2(2), hlm. 14.

Buckley, Charles Burton. (1902). *An Anecdotal History of Old Times in Singapore*. Singapore: Frazer and Neave Ltd.

Bujra, A.S. (1967). *Political Conflict and Stratification in Hadhramaut-1*. *Middle Eastern Studies*, 3(4).

Hussain Baba Mohamad. (1969). *Sejarah Negeri dan Raja2 Perlis*. *JMBRAS*, 42(2), 173-196.

Kazuhiro Arai. (2004). *The Arabs Who Traversed the Indian Ocean: The History of the al-Attas Family in Hadhramawt and Southeast Asia, c. 1600-c.1960* [Tesis PhD]. *Near Eastern Studies*, University of Michigan.

K. Nadaraja. (2016). *Malay Reactions to the 1930s Economic Depression in Malaya*. *Jebat: Malaysia Journal of History & Strategies Studies*, 43(1), 46-64. 14062-38595-1-SM.pdf (ukm.my)

Latifah Abdul Latiff et.al. (2018). *Sumbangan Orang Arab Terhadap Perkembangan Pendidikan Madrasah atau Sekolah Arab di Malaysia*. *Al-Hikmah*, 10(2), 35-53.

Latifah Abdul Latiffa. (2016). *The Roles and Contributions of the Hadhrami Arabs in Malaya, 1819-1969* [Tesis PhD]. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Latifah Abdul Latiffb. (2016). *Arab Hadhrami dan Arab Peranakan di Malaysia*. *Al-Hikmah*, 8(2), 19-37.

Lim, L. H. (1994, Aug. 16). *New street in Geylang named after a man once lived there*. *The Straits Times*. hlm. 27. Retrieved from Newspaper SG/25 June 2021.

Linehan, W. (1936). *A History of Pahang*. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* (JMBRAS), 14(2).

Mahayudin Haji Yahaya. (1984). *Sejarah Orang Syed di Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahayudin Yahaya. (1980). *Latarbelakang Sejarah Keturunan Sayid di Malaysia*. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Manger, Leif. (2013). *Building a Moral Economy: The Historical Success of Hadhrami Sada in Singapore*. Dalam Eldar Braten (ed.), *Embedded Entrepreneurship: Market, Culture and Micro-Business in Insular Southeast Asia*. Leiden: Brill.

Muslim Trust Fund Association. (2021). *Company Profile*. www.mfta.org/ Diakses pada 26 Ogos 2021.

Mohammad Redzuan Othman. (1997). *Hadhramis in the Politics and Administration of the Malay States*. Dalam Ulrike Freitag & William G. Clarence-Smith (eds.), *Hadhrami Traders, Scholars and Statesmen in the Indian Ocean, 1750s – 1960s*, (82-93). Brill: Leiden, New York: Koln, al.

Mohammad (2002). *Conflicting Political Loyalties of the Arabs in Malaya*. Dalam Huub de Jonge and Nico Kaptein (eds.), *Transcending Borders, Arabs, Politics, Trade, and Islam in Southeast Asia*, (37-52). Leiden: KITLV Press.

Mohammad Redzuan Othman. (2006). *The Arabs Migration and Its Importance in the Historical Development of the Nineteenth and Early Twentieth Century Malaya*. (paper presented at the 15th Annual World History Association Conference, 22-25 June. California, USA, (1-39). eprints.um.edu.my/25037/ Diakses pada 11 June 2021.

Mohd. Sohaimi Esa. (1999). *Ekonomi Orang Arab Pada Abad Ke-19 Masihi Hingga Tahun 1914*. *Jebat*. No. 26.

Mohd Syakir Mohd Taib & WK Mujani. (2009). *Sejarah Pendidikan Wakaf di Malaysia: Tinjauan Literatur*. *Shariah Journal*, 17(1), (hlm.1381-1395) *Sejarah pendidikan wakaf di Malaysia: Tinjauan literatur - UUM Repository/* Diakses pada 2 Sept. 2021.

Nurfadzilah Yahaya. (2009). *Tea and Company: Interactions between and the Arabs Elite and the British in Cosmopolitan Singapore*. Dalam Ahmed Abushouk & Hassan Ahmed Ibrahim (eds.), *The*

Hadhrami Diaspora in Southeast Asia, Identity Maintenance or Assimilation?, 57-80.

Omar Farouk Shaeik Ahmad. (1978). *The Arabs in Penang. Malaysia in History*. Kuala Lumpur: Malaysian Historical Society, 21(2).

Rahim Osman. (1980). *Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah*. Dalam Khoo Kay Kim, et al (eds.), *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Rauf, M. A. (1965). *Islamic Education*. Intisari. 2(1).

Robert, Shahril Talib. (1977). *The Trengganu Ruling Class in the Nineteenth Century*. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, 50(2), 25-47.

Saadiah Said. (1979). *Kegiatan Keluarga al-Sagoff Dalam Ekonomi Johor 1878-1926*. (B.A. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.)

Salbiah Zainal. (1993). *Madrasah Al-Sagoff Al-Arabiah Singapura: Sejarah dan Perkembangannya*. (B.A. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, University of Malaya).

Siti Noorasikin Tumiran, Ezad Azraai Jamsari & Kaseh Abu Bakar. (2011). *Personaliti Termasyhur Singapura: Syed Mohamed bin Ahmed AlSagoff*. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, 433-441.

Siti Rodziyah Nyan. (2009). *Akhbar Saudara Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Serjeant, R.B. (1981). *The Sayyids of Hadhramaut*. *Studies in Arabian History and Civilisation*. London: Variorum Reprints.

Sumit K. Mandal. (1997). *Natural Leaders of Native Muslims: Arab Ethnicity and Politics in Java under Dutch Rule*. Ulrike Freitag and William G. Clarence-Smith (eds.). *Hadhrami Traders Scholars and Statesmen in the Indian Ocean, 1750s-1960s*. (185-198). Leiden: Koninklijke Brill.

Talib Samat. (1992). *Syed Syeikh Al-Hadi Sasterwan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Turnbull, C.M. (1989). *A History of Singapore*

1919-1988, Singapore: Oxford University Press. 2nd Edition.

Ulrike Freitag. (2002). *The Arab Merchants in Singapore*. Dalam Huub de Jonge and Nico Kaptein (eds.). *Transcending Borders, Arabs, Politics, Trade, and Islam in Southeast Asia*, (109-142). Leiden: KITLV Press.

Zaki H Mubarak. (2014). *Peranan Wakaf dalam Pembangunan Identitas Muslim Singapura*. *Jurnal al-Awqaf*. [artikel_peran-wakaf-dalam-membangun-identitas-muslim-singapura1.pdf](#) ([saleematijarah.com](#)), 1-22, Diakses pada 1 Sept. 2021.